

30/04/1997

Rakyat perlu prihatin zaman pasca industri

Kamal Ahmad; Faizal Fadzil; Nordin Zakaria

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, rakyat perlu prihatin dengan perubahan sekeliling ketika memasuki zaman pasca industri kerana sempadan negara yang ada tidak mampu melindungi serangan ekonomi utama dunia.

Sehubungan itu, kata Perdana Menteri, kerajaan mengorak langkah berani memasuki zaman maklumat dengan melancarkan Koridor Raya Multimedia (MSC) yang keseluruhan pendekatan itu amat radikal.

"Ada beberapa hal yang akan kita perolehi, tetapi ada pula yang akan terlepas dari tangan kita. Namun, kita perlu berusaha supaya yang kita perolehi itu lebih banyak daripada yang hilang.

"Mahu tak mahu sempadan negara kita terpaksa dibuka, maka tidakkah lebih baik kita memperolehi sesuatu daripada tenaga yang akan memasuki sempadan itu?" katanya ketika menyampaikan ucapan tama di Kongres Kebangsaan Wawasan 2020 di sini, hari ini. Kongres itu dianjurkan bersama Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (Isis) Malaysia, Jabatan Perdana Menteri serta Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (Asli).

Turut hadir ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, menteri dan timbalan menteri, tokoh akademik, korporat, pakar ekonomi serta perwakilan asing.

Sembilan tajuk perbincangan membabitkan lebih 20 penceramah diadakan membabitkan tokoh politik, akademik, ekonomi dan pertubuhan.

Dr Mahathir turut menghuraikan strategi yang digunakan untuk menjadi kompetitif yang disifatkan agak mudah, dalam memastikan kos terus rendah tanpa mengorbankan taraf hidup rakyat yang sepatutnya terus meningkat selaras dengan pertumbuhan ekonomi.

"Langkah pertama yang wajib dilaksanakan ialah membendung inflasi dan menaikkan gaji hanya dengan alasan meningkatnya produktiviti.

"Jika kos dibiarkan terus meningkat tanpa diimbangi peningkatan produktiviti yang selaras, kita akan kehilangan daya persaingan dan akan terjadilah inflasi," katanya.

Perdana Menteri turut menasihatkan rakyat jangan meniru cara rakyat di negara maju yang suka membazir.

"Jika kita meniru cara mereka yang membazir itu, ekonomi kita pasti akan merosot. Dengan kata-kata lain, pekerja, eksekutif dan pemodal kita semakin lama menjadi semakin miskin.

"Saya memohon maaf kerana terpaksa mengulangi perkara ini, tetapi terlalu banyak orang kita yang begitu tertarik untuk memperolehi lebih banyak wang tanpa memikirkan apa yang dapat dibelinya dengan wang itu," katanya.

Dr Mahathir berkata, jika kerajaan seolah-olah terlalu keras dan tidak bersedia bertolak ansur menghadapi tuntutan dari pelbagai pihak, maka tujuannya semata-mata untuk memelihara kepentingan rakyat dan negara.

"Kita tidak mahu menikmati suatu pesta dan kemudiannya membayar biaya pesta itu dengan kepapaan yang berpanjangan. Untuk memungkinkan kita berkembang maju menuju Wawasan 2020, kita perlu mengurus ekonomi kita untuk pertumbuhan yang teratur lagi berkesan," katanya.

Kini kebanyakan negara di seluruh dunia sudah merangka dan menggubal Wawasan 2020 masing-masing.

"Dari Botswana hingga ke El Salvador, Colombia hingga Nigeria, dari Mauritius ke Venezuela - sudah merangka dan menggubal wawasan itu masing-masing. The Club Of Rome menuntut supaya diwujudkan Wawasan 2020 untuk

Eropah.

"Negara di Asia Tenggara berhasrat mengadakan Wawasan 2020 bagi Asean. Apec sudah menggubal sebuah Wawasan 2020 untuk rantau Pasifik," katanya.

Beliau berkata, Wawasan 2020 menyerlahkan sejelas-jelasnya matlamat dan apa yang perlu dilakukan oleh generasi kedua kita.

Perdana Menteri berkata, dua objektif sosial secara khusus memerlukan perhatian serius, segera, mendalam dan meluas iaitu mewujudkan masyarakat yang kukuh ciri moral dan etika, dengan warganya mempunyai nilai keagamaan dan kerohanian yang utuh, dan ditunjangi budi pekerti yang luhur.

"Dan tiba masanya kita bergerak dengan penuh tenaga demi memastika terbentuk masyarakat yang benar-benar bersifat penyayang dan sebuah budaya penyayang berasaskan sistem kekeluargaan yang teguh dan mantap," katanya.

Menurutnya, kita mesti merendah diri kerana sikap itu dan realiti di sekeliling akan sentiasa mengingatkan kita bahawa perjalanalan masih belum tiba di penghujungnya.

"Rakyat perlu berpegang teguh kepada sistem moral dan etika yang unggul. Jika tidak, kita akan kehilangan arah dan pegangan - dan pasti kita tidak akan dapat mencapai wawasan kita," katanya.

(END)